



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 64 / 2020

KEPUTUSAN PENUH PENGUNDIAN PILIHAN RAYA UMUM DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH KE-16

1. Berikut adalah keputusan penuh Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri (PRU DUN) Sabah Ke-16 yang telah dijalankan dengan bebas, adil dan telus.

Bil.	Parti/Calon Bebas	Jumlah Kerusi Diperoleh
1.	Parti Warisan Sabah (WARISAN)	29
2.	Perikatan Nasional (PN)	17
3.	Barisan Nasional (BN)	14
4.	Parti Bersatu Sabah (PBS)	7
5.	Bebas	3
6.	Parti Keadilan Rakyat (PKR)	2
7.	Pertubuhan Progresif Kinabalu Bersatu (UPKO)	1
	JUMLAH	73

2. Pada PRU DUN Sabah Ke-16 kali ini, seramai **749,083 orang** atau **66.61 peratus** telah mengundi. Jumlah tersebut meliputi jumlah **pengundi biasa, pengundi awal** dan **pengundi pos** yang telah mengundi.
3. Secara keseluruhannya, SPR berpuas hati dengan proses pengundian pada 26 September 2020 dan pengundi-pengundi berdaftar telah dapat menunaikan hak dan tanggungjawab mereka. Selain itu, PRU DUN Sabah Ke-16 juga tidak berlaku apa-apa perkara yang tidak diingini yang boleh menjaskan proses pilihan raya.
4. Dalam melaksanakan urusan pilihan raya, SPR sentiasa mengikut undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan. SPR telah mencuba sedaya-upaya yang boleh untuk menjadikan PRU DUN Sabah Ke-16 yang terbaik. SPR akan mengkaji segala kelemahan yang berlaku dan akan menambah baiknya.
5. SPR juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pegawai-Pegawai Daerah, guru-guru dan sekolah-sekolah yang terlibat secara langsung, pihak PDRM, SPRM, Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan juga pihak media di atas

kerjasama serta bantuan yang diberikan sepanjang berlangsungnya PRU DUN Sabah Ke-16.

Sekian, terima kasih.

DATUK ABDUL GHANI BIN SALLEH

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Tarikh: 27 September 2020 / 9 Safar 1442H